

PENDAHULUAN



Buku Panduan Guru Bahasa Malaysia Tahun Satu ini disediakan sebagai bahan rujukan untuk membantu guru menjana idea, merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Buku ini sebagai panduan kepada guru untuk mengaplikasikan Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Rendah dalam pengajaran dan pembelajaran. Buku Panduan Guru Bahasa Malaysia Tahun Satu juga mencadangkan pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berkonsepkan didik hibur bagi memberi peluang kepada murid melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara aktif dengan sokongan pelbagai bahan media.

Buku Panduan Guru ini diharapkan dapat membantu guru untuk menterjemahkan Standard Kurikulum Sekolah Rendah (KSSR) Bahasa Malaysia yang mengetengahkan pendekatan modular dan menitikberatkan pembelajaran secara didik hibur. Dalam pendekatan modular ini, fokus pengajaran dan pembelajaran diberikan kepada kemahiran mendengar dan bertutur, membaca dan menulis, serta dua elemen lain iaitu aspek seni bahasa dan tatabahasa. Kesemua fokus pengajaran dan pembelajaran ini amat penting dan perlu dikuasai oleh murid bukan sahaja bagi membantu mereka memantapkan kemahiran bahasa, mencungkil potensi diri, dan meneroka pelbagai bidang ilmu pengetahuan, malahan menggalakkan mereka berkomunikasi secara berkesan dan bertatasusila dalam semua urusan. Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Rendah juga turut memberi penekanan kepada aspek pentaksiran, pemulihan dan pengayaan yang merupakan aspek penting dalam pengajaran dan pembelajaran.

Buku panduan ini mengandungi empat bahagian; Bahagian 1 merupakan pengenalan tentang Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Tahun Satu dan Struktur Pendekatan Modular, Bahagian 2 mengandungi contoh-contoh Strategi Pengajaran dan Pembelajaran, Bahagian 3 memaparkan contoh pemetaan rancangan mengajar mingguan dan Bahagian 4 mengandungi daftar kata dan glosari Bahasa Malaysia Tahun Satu.

Strategi dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam Buku Panduan Guru ini hanyalah cadangan. Guru digalakkan menggunakan kreativiti sendiri untuk mengubah suai aktiviti tersebut supaya bersesuaian dengan kebersediaan dan kebolehan murid dalam setiap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran.

Bahagian Pembangunan Kurikulum merakamkan jutaan terima kasih atas sumbangan pelbagai pihak yang telah terlibat secara langsung dalam penghasilan modul ini. Buku Panduan Guru ini harap dapat dimanfaatkan dalam usaha melahirkan modal insan yang mampu menyumbang ke arah pembangunan negara selaras dengan kehendak kementerian.

STANDARD KURIKULUM BAHASA MALAYSIA



Standard Kurikulum Bahasa Malaysia dibina berasaskan enam tunjang iaitu tunjang Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Literasi Sains dan Teknologi; Fizikal dan Estetika; dan Keterampilan Diri. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Kesepaduan ini bertujuan untuk membangunkan modal insan yang seimbang, berpengetahuan dan berketerampilan. Beberapa penambahbaikan telah dibuat dalam standard kurikulum Bahasa Malaysia. Antara penambahbaikan ialah penekanan aspek tatabahasa yang diajarkan secara khusus dalam waktu yang diperuntukan dan aspek Seni Bahasa diperkenalkan untuk membolehkan murid mengapresiasi keindahan seni dalam bahasa melalui unsur didik hibur. Standard Kurikulum Bahasa Malaysia ini dijelmakan dalam standard kandungan dan standard pembelajaran yang lebih memfokuskan keupayaan murid berkomunikasi.

Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Tahun Satu, lebih mementingkan penguasaan kemahiran asas berbahasa bagi murid Tahap Satu. Pengajaran yang berpusatkan murid serta kemahiran bernilai tambah dapat memantapkan penguasaan kemahiran bahasa dan mereka berkemampuan untuk meneroka ilmu pengetahuan dengan lebih luas. Standard kurikulum ini juga memberi penekanan kepada penerapan nilai murni dalam membentuk insan yang sempurna dan berkembang secara menyeluruh daripada aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial melalui pengajaran secara teori dan amali. Pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan dalam suasana yang kondusif perlu untuk membantu merangsang dan meningkatkan kreativiti dan minat murid untuk belajar dengan berkesan. Standard kandungan ini mengutamakan pendemokrasian pendidikan kepada semua murid sekolah rendah ke arah merealisasikan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.



Rajah 1: Standard Kurikulum

MATLAMAT



Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Rendah digubal untuk membolehkan murid berketerampilan dalam berbahasa dan boleh berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh pengetahuan, ilmu, kemahiran, maklumat, nilai dan idea serta hubungan sosial dalam kehidupan harian.

OBJEKTIF UMUM



Murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran Standard Bahasa Malaysia Sekolah Rendah berkeupayaan untuk :

- i. mendengar, mengecam, mengajuk dan menentukan arah bunyi persekitaran dengan teliti dan betul;
- ii. mendengar, memahami, dan menyebut bunyi bahasa iaitu abjad, perkataan, frasa dan ayat dengan betul;
- iii. mendengar, memahami dan memberikan respons berdasarkan arahan, pesanan dan pertanyaan dengan betul;
- iv. bertutur dan berbual serta menyatakan permintaan tentang sesuatu perkara dalam situasi formal dan tidak formal dengan betul secara bertatasusila;
- v. bercerita sesuatu perkara dan menceritakan semula perkara yang didengar menggunakan sebutan yang jelas dan intonasi yang betul;
- vi. berbicara untuk menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber dengan tepat secara bertatasusila;
- vii. berbincang dan mengemukakan pendapat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber secara bertatasusila;
- viii. membaca, memahami perkataan, frasa dan ayat daripada pelbagai sumber dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul;
- ix. membaca dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat daripada pelbagai bahan untuk memberi respons dengan betul;

- x. membaca dan menaakul untuk memindahkan maklumat yang terdapat dalam pelbagai bahan.
- xi. membaca pelbagai bahan bacaan bagi memperkaya kosa kata dan maklumat untuk memupuk minat membaca;
- xii. melakukan aktiviti pramenulis dengan betul;
- xiii. menulis secara mekanis dengan betul dan kemas;
- xiv. membina dan menulis perkataan, frasa dan ayat dengan betul;
- xv. menulis imlak dengan tepat.
- xvi. mencatat dan menulis untuk menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara dengan menggunakan bahasa yang santun;
- xvii. menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan betul;
- xviii. mengedit dan memurnikan hasil penulisan;
- xix. menulis ulasan berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada pelbagai sumber;
- xx. menggunakan sistem bahasa yang betul dalam pertuturan, pembacaan dan penulisan;; dan
- xxi. menghayati dan mengamalkan nilai murni, bersikap positif, semangat patriotik dan kewarganegaraan melalui aktiviti berbahasa.

FOKUS



Pada akhir pembelajaran bahasa Malaysia sekolah rendah, murid dapat memperkaya kosa kata, mempertingkatkan pemahaman berbahasa dan menguasai bahasa serta berkomunikasi secara berkesan bagi menyampaikan pendapat, idea dan maklumat dalam pelbagai situasi pembelajaran, hubungan sosial dan kehidupan harian.

KANDUNGAN STANDARD



Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Rendah digubal dengan memberikan penekanan pada Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang perlu diketahui dan dapat dilakukan oleh murid. Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran ini berpaksikan Kemahiran Bahasa dan Sistem Bahasa yang disokong oleh elemen Pengisian Kurikulum. Standard ini digubal dalam bentuk pernyataan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang perlu dikuasai oleh murid sekolah kebangsaan dan juga di sekolah jenis kebangsaan. Standard ini dipersembahkan dalam bentuk modular yang dibahagikan kepada bahagian dan unit yang mengandungi elemen pengetahuan, kemahiran serta nilai murni yang perlu dikuasai oleh murid.

Standard Kandungan

Pernyataan tentang bidang ilmu yang patut diketahui dan dapat dilakukan oleh murid dalam suatu tempoh persekolahan yang merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai murni.

Standard Pembelajaran

Pernyataan tentang penetapan kriteria untuk memastikan kualiti pembelajaran dan pencapaian murid bagi setiap standard kandungan.

A. Kemahiran Bahasa

Kandungan Standard Kurikulum Bahasa Malaysia mengandungi aspek kemahiran berbahasa, seni bahasa dan tatabahasa. Kemahiran bahasa meliputi kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Kemahiran bahasa merupakan teras penguasaan bahasa baku. Penerangan terhadap kandungan kurikulum dinyatakan seperti yang berikut:

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Kemahiran mendengar merujuk kepada keupayaan murid mendengar dengan teliti dan memahami perkara yang didengar dalam pelbagai situasi pengucapan seperti bersoal jawab, ucapan, lakonan dan perbincangan. Murid juga perlu menghayati dan memberi respons yang betul kepada perkara yang didengar. Kemahiran bertutur pula merujuk kepada keupayaan murid berbicara secara lisan

untuk hubungan sosial, menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan serta idea yang kritis dan kreatif. Penekanan diberi pada sebutan dan intonasi yang betul serta pengucapan yang bertatasusila serta menggunakan tatabahasa yang betul.

Objektif Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Objektif Kemahiran Mendengar dan Bertutur adalah untuk memastikan murid mengetahui dan berkeupayaan:

- i. mendengar, mengecam, mengajuk dan menentukan arah bunyi dalam persekitaran dengan teliti dan betul;
- ii. mendengar, mengecam dan menyebut bunyi bahasa dengan betul;
- iii. mendengar, memahami, menyebut dan mengeja perkataan yang mengandungi dua atau tiga suku kata, diftong, vokal berganding, digraf dan konsonan bergabung dengan betul dan tepat;
- iv. mendengar, memahami dan menyebut frasa dan ayat tunggal dengan betul dan tepat;
- v. mendengar, memahami dan memberikan respons secara lisan atau gerak laku berdasarkan arahan, pesanan dan pertanyaan dengan betul;
- vi. bertutur dan berbual serta menyatakan permintaan menggunakan ayat yang mengandungi diksi, kata panggilan, kata ganti nama diri pertama dan kedua dengan betul dalam situasi tidak formal secara bertatasusila;
- vii. bercerita tentang sesuatu perkara dan menceritakan semula perkara yang didengar menggunakan ayat tunggal dengan tepat, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul; dan
- viii. berbicara untuk menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara dengan tepat dengan menggunakan perkataan yang sesuai secara bertatasusila.

Prinsip Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- i. Kemahiran mendengar dan bertutur merupakan asas dalam kemahiran berbahasa.
- ii. Bertutur dengan bahasa yang mudah, tepat dan jelas.
- iii. Bahan ransangan penting untuk meningkatkan minat dalam menguasai kemahiran mendengar dan bertutur.
- iv. Memberi peluang murid terlibat secara aktif dapat mempercepat penguasaan kemahiran.
- v. Memberi tumpuan kepada aspek sebutan, intonasi, jeda dan tatabahasa;
- vi. Laras bahasa yang digunakan mesti bersesuaian dengan konsep.



Kemahiran Membaca

Kemahiran membaca merujuk kepada keupayaan murid membaca dengan sebutan, intonasi, jeda dan kelancaran yang betul dengan menggunakan pelbagai teknik bacaan. Penekanan perlu juga diberikan pada aspek pemahaman dan penaakulan pelbagai bahan ilmu, dan bahan sastera dan bukan sastera secara kritis.

Objektif Kemahiran Membaca

Objektif Kemahiran Membaca adalah untuk memastikan murid mengetahui dan berkeupayaan:

- i. membaca pelbagai perkataan, frasa, dan ayat secara mekanis dengan sebutan dan intonasi yang betul;
- ii. membaca dan memahami perkataan dan frasa yang mengandungi perkataan dua atau tiga suku kata, diftong, vokal berganding, digraf dan konsonan bergabung dengan betul;
- iii. membaca ayat tunggal daripada pelbagai bahan bacaan dengan sebutan yang betul;
- iv. membaca dengan sebutan, intonasi dan jeda mengikut tanda baca dengan betul;
- v. membaca dan memahami maklumat yang tersurat daripada pelbagai bahan untuk mengenal pasti idea utama dan membuat klasifikasi dengan betul;
- vi. membaca, memahami dan menaakul maklumat dalam bahan grafik dengan betul dan memindahkan kepada bentuk bukan grafik; dan
- vii. membaca dan memahami pelbagai bahan bacaan secara didik hibur untuk memperkaya kosa kata dan menambah pengetahuan.

Prinsip Kemahiran Membaca

- i. Bacaan mekanis asas untuk menguasai kemahiran membaca.
- ii. Bacaan mentalis untuk melatih murid membaca dan memahami.
- iii. Kebersediaan murid dari segi perasaan dan bahasa perlu diberi perhatian.
- iv. Bahan bacaan perlu sesuai, menarik dan bersifat ansur maju.
- v. Soalan bertumpu dan bercapah membantu murid memahami kandungan bahan bacaan.
- vi. Kepelbagaian pendekatan dan teknik membaca diaplikasikan mengikut kesesuaian.
- vii. Bacaan intensif dan ekstensif memperkaya kosa kata dan ilmu serta minat membaca.



yang jelas dan kemas. Murid juga digalakkan menggunakan kreativiti mereka untuk menghasilkan bahan penulisan.

Objektif Kemahiran Menulis

Objektif Kemahiran Menulis adalah untuk memastikan murid mengetahui dan berkeupayaan:

- i. melakukan aktiviti pramenulis dengan betul;
- ii. menulis secara mekanis bentuk huruf dan perkataan yang mengandungi suku kata terbuka dan tertutup dengan cara yang betul dan tulisan yang kemas;
- iii. menulis perkataan dan frasa yang mengandungi perkataan dua atau tiga suku kata, diftong, vokal berganding, digraf dan konsonan bergabung dengan betul;
- iv. menulis secara mekanis ayat tunggal dengan betul dan tulisan yang kemas;
- v. membina dan menulis perkataan, frasa dan ayat dengan betul;
- vi. menulis imlak perkataan dan frasa yang mengandungi suku kata terbuka dan suku kata tertutup dengan ejaan yang tepat;
- vii. mencatat maklumat daripada pelbagai sumber dengan betul untuk diklasifikasikan;
- viii. menulis untuk menyampaikan maklumat yang tepat menggunakan bahasa yang santun;
- ix. menghasilkan penulisan berbentuk naratif dan bukan naratif secara terkawal dengan betul; dan
- x. mengedit dan memurnikan hasil penulisan daripada aspek ejaan.

Prinsip Pengajaran Kemahiran Menulis

- i. Kemahiran menulis mekanis merupakan asas kepada penguasaan menulis.
- ii. Melahirkan idea dalam bentuk penulisan dan perlu mengamalkan prinsip ansur maju.
- iii. Keseragaman dalam membentuk dan menulis huruf perlu dititikberatkan.
- iv. Latihan menulis yang berterusan perlu dijadikan amalan.
- v. Mengimlak dapat mengukuhkan penguasaan kemahiran mengeja.
- vi. Bacaan luas membantu menghasilkan penulisan karangan yang baik.

B. Aspek Seni Bahasa



Aspek seni bahasa merujuk kepada keupayaan murid mengungkap dan mengapresiasi keindahan bahasa, memahami dan menghargai bahasa melalui pembelajaran yang menyeronokkan menerusi kepelbagaian aktiviti secara didik hibur. Murid juga dapat menggunakan kreativiti mereka dalam melahirkan idea melalui penulisan dan lisan. Seni bahasa memberi penekanan kepada keindahan bahasa yang dipelajari oleh murid melalui teknik penyampaian yang menarik dan menyeronokkan seperti bernyanyi, bercerita, berlakon dan berpuisi. Pembentukan ayat yang menggunakan simile, peribahasa, bahasa kiasan dan personafikasi yang terdapat dalam puisi dan penulisan kreatif juga menampakkan keindahan dan seni dalam bahasa Melayu. Keindahan bahasa yang digunakan semasa aktiviti seni bahasa ini dapat membantu murid memantapkan lagi kemahiran berbahasa mereka.

Objektif Aspek Seni Bahasa

Objektif Aspek Seni Bahasa adalah untuk memastikan murid mengetahui dan erkeupayaan:

- i.
- ii. menyebut dan memahami seni kata lagu melalui nyanyian dengan gerak laku secara didik hibur;
- iii. mengujarkan ayat menggunakan bahasa yang indah dengan sebutan yang jelas dan intonasi yang betul serta menggunakan bahasa badan secara kreatif melalui penceritaan secara didik hibur;
- iv. mengujarkan dialog dengan sebutan yang jelas dan intonasi yang betul tentang sesuatu perkara menggunakan bahasa badan secara kreatif melalui lakonan secara didik hibur; dan
- v. melafazkan pantun dua kerat menggunakan bahasa yang indah dengan intonasi yang betul dan memahami maksud pantun secara didik hibur.

Prinsip Pengajaran Seni Bahasa

- i. Pengajaran Seni Bahasa mementingkan kehalusan dan keindahan bahasa.
- ii. Pemilihan bahan mesti sesuai dan menarik.
- iii. Penglibatan murid secara aktif dan menyeluruh.
- iv. Guru bertindak sebagai penggerak atau pembimbing yang sentiasa kreatif dan imaginatif.

C. Aspek Tatabahasa



Aspek tatabahasa merujuk kepada keupayaan murid menguasai perkara asas dalam pembentukan kata dan ayat serta menggunakan tatabahasa mengikut cara dan sistem yang betul semasa membina ayat. Selain itu, aspek sebutan, intonasi dan semantik serta penggunaan peribahasa dan perbendaharaan kata yang betul juga diberi penekanan. Pengajaran dan

pembelajaran tatabahasa diberi penekanan melalui penggabungjalinan kemahiran bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran.

Objektif Aspek Tatabahasa

Objektif Aspek Tatabahasa adalah untuk memastikan murid mengetahui dan berkeupayaan:

- i. memahami dan menggunakan kata nama am, nama khas, kata ganti nama diri pertama dan kedua serta kata kerja dengan betul;
- ii. memahami dan menggunakan kata adjektif warna dan kata hubung dengan betul;
- iii. memahami dan menggunakan kata tanya merujuk manusia dan benda dengan betul;
- iv. menggunakan imbuhan awalan dan akhiran dengan betul; dan
- v. memahami dan membina ayat dasar dengan pola FN + FN , dan FN + FK dengan

betul.

Prinsip Pengajaran Aspek Tatabahasa

- i. menitikberatkan makna dan aspek tatabahasa mengikut konteks berdasarkan teks petikan yang digunakan.
- ii. Memulakan proses pengajaran daripada yang mudah kepada lebih kompleks.
- iii. Tidak menggalakkan pelajar menghafalkan rumus atau hukum bahasa.
- iv. Diajar secara terancang dalam sesi pengajaran bahasa.
- v. Perlu banyak latih tubi bagi mengekalkan ingatan dalam bentuk lisan dan tulisan.
- vi. Mengajar secara konkrit dengan menggunakan alat bantu mengajar dan bahan rangsangan yang menarik dan berkesan.
- vii. Menggunakan pengantaraan deria yang dibantu dengan contoh-contoh dan bentuk simulasi secara berkesan.
- viii. Mengenal pasti struktur isi dengan jelas. Guru perlu mahir tentang selok-belok tatabahasa yang hendak disampaikan.
- ix. Perancangan yang rapi mesti dibuat terlebih dahulu.
- x. Tatabahasa diajar dan digunakan dalam konteks.
- xi. Istilah dan fungsi tatabahasa boleh diperkenalkan untuk pengetahuan dan kefahaman.

STRUKTUR MODUL



Modul Standard Kurikulum Bahasa Malaysia menekankan beberapa aspek dalam pengajaran merangkumi fokus utama, fokus sampingan, objektif, aktiviti, pentaksiran, pengayaan dan pemulihan. Isi kandungan modul boleh diubahsuai mengikut kreativiti guru dan kebolehan murid.

Kesemua aspek ini diijelmakan mengikut keutamaan berikut;

- Tema
- Tajuk
- Fokus Utama
- Fokus Sampingan
- Objektif
- Pengisian Kurikulum
- Sistem Bahasa
- Media
- Strategi Pengajaran dan Pembelajaran

Strategi pengajaran dan pembelajaran memuatkan aktiviti yang menjurus kepada pencapaian objektif. Aktiviti-aktiviti ini ditulis menggunakan beberapa langkah pengajaran yang menggabungkan aktiviti-aktiviti fokus utama dan fokus sampingan. Strategi pengajaran dan pembelajaran ini juga memuatkan aspek pentaksiran, pengayaan dan pemulihan serta latihan-latihan yang berkaitan. Semua maklumat tentang strategi ini dipaparkan dalam tiga lajur iaitu aktiviti, pengisian kurikulum dan catatan.

Pentaksiran dianggap sebagai sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Pentaksiran merupakan proses penilaian untuk menentukan pencapaian sesuatu objektif pengajaran atau pembelajaran tercapai. Oleh itu, pentaksiran perlulah dijalankan berterusan dalam setiap pengajaran dan pembelajaran. Hanya melalui pentaksiran yang berterusan guru dapat memastikan tindakan susul yang perlu diambil ke atas seseorang murid, sama ada untuk memberi latihan pemulihan atau pengayaan.

Aspek pemulihan pula disediakan untuk membantu murid yang belum menguasai kemahiran agar dapat memahami pengajaran dalam tempoh yang ditetapkan dengan penggunaan bahan yang berbeza dan sesuai dengan kebolehan mereka. Bahan untuk program ini terdiri daripada kad, carta, bahan maujud, alat permainan, dan lain-lain yang boleh digunakan

secara berperingkat daripada yang mudah kepada yang sukar. Latihan yang diberi perlu mengikut kemampuan murid dan kadar masa untuk mereka menguasai sesuatu kemahiran.

Aspek pengayaan perlu diberikan penekanan dalam Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Rendah mengikut kecerdasan murid yang berbeza dari segi kebolehan, keupayaan, bakat, dan minat. Murid yang membuat latihan pengayaan ialah murid yang dikesan telah menguasai kemahiran yang diajar melalui pentaksiran yang diberi. Murid ini hendaklah diberikan bahan yang berbeza daripada murid pemulihan. Bahan yang digunakan perlu lebih mencabar minda dan digunakan secara bersendirian atau dengan bimbingan guru yang paling minima. Bahan seperti bahan bacaan tambahan, kad permainan bahasa dan bahan-bahan untuk aktiviti boleh diberikan kepada murid.

Aktiviti pengayaan dan pemulihan hendaklah dijalankan secara serentak. Guru perlu memberi penjelasan cara melakukan latihan pengayaan dan memberi ruang untuk murid tersebut membuat latihan yang diberi secara sendiri. Pada masa yang sama guru perlu memberi tumpuan untuk membimbing murid yang lemah menjalankan aktiviti pemulihan.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN



Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Rendah berperanan dalam melengkapkan strategi pengajaran dan pembelajaran untuk mencapai objektif dengan melibatkan pelbagai aktiviti di luar dan di dalam bilik darjah. Dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia, strategi merangkumi pendekatan, kaedah, teknik dan aktiviti. Pendekatan wujud berdasarkan aspek-aspek pengajaran yang kita ingin utamakan atau memberi perhatian yang lebih utama. Kaedah pula cara mendekati sesuatu objektif pelajaran dengan langkah-langkah penyampaian yang tersusun. Teknik pula merupakan suatu cara yang digunakan oleh guru bagi menyampaikan bahan-bahan pengajaran yang telah dipilih. Aktiviti pembelajaran konvensional boleh diterapkan kepada murid melalui ruang dan peluang mengikuti proses pembelajaran yang menyeronokkan dalam suasana yang kondusif dengan teknik yang lebih menarik dan berkesan. Pengalaman murid dapat dikaitkan dalam memenuhi kepelbagaian gaya pembelajaran, minat dan kecerdasan yang berbeza dalam kalangan murid. Kepelbagaian media, bahan maujud, media cetak dan media elektronik boleh dijadikan sebagai bahan sokongan untuk saling melengkapi proses pengajaran supaya tindakan susulan dapat dijalankan dalam menilai proses pengajaran dan pembelajaran untuk memantapkan penguasaan murid. Selain itu, murid mampu mengungkapkan ilmu pengetahuan melalui kemahiran generik yang berkaitan dengan ciri-ciri khusus yang dikuasai oleh setiap murid.

Pendekatan Berpusatkan Murid

Strategi pengajaran dan pembelajaran dalam Standard Kurikulum Bahasa Malaysia haruslah berpusatkan murid bagi membolehkan mereka berinteraksi dan menguasai kemahiran belajar melalui pengalaman sendiri. Oleh itu, murid dapat membina keyakinan

berbahasa. Contoh pendekatan berpusatkan murid seperti pendekatan individu, pendekatan pasangan, pendekatan kumpulan, pendekatan kelas, pendekatan kelas bercantum dan sebagainya. Selain pendekatan berpusatkan murid terdapat juga pendekatan-pendekatan lain seperti pendekatan berpusatkan bahan dan pendekatan berpusatkan guru.

Kepelbagaian Teknik

Teknik merupakan suatu cara yang digunakan oleh guru-guru bagi menyampaikan bahan-bahan pengajaran yang telah dipilih untuk murid-muridnya. Teknik yang dipilih haruslah sejajar dengan kaedah dan pendekatan yang digunakan. Dalam Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Rendah guru digalakkan menggunakan pelbagai teknik mengajar.

Guru boleh memilih pendekatan dan teknik pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan kebolehan murid. Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bergantung pada pengolahan teknik dan penggunaan bahan bantu belajar serta teknologi yang dapat merangsang dan menggalakkan murid berfikir secara kritis dan kreatif, berkomunikasi, dan berinteraksi.

Teknik-teknik pengajaran bahasa

- i. Teknik main peranan
Main peranan bermaksud melakonkan sesuatu situasi atau masalah atau peristiwa yang dianggap penting.
- ii. Teknik permainan bahasa
Permainan bahasa adalah salah satu cara dalam mempelajari bahasa melalui teknik permainan.
- iii. Teknik latih tubi
Teknik latih tubi adalah aktiviti pengulangan fakta-fakta atau kecekapan yang dipelajari.
- iv. Teknik bercerita
Merupakan salah satu pendekatan yang sesuai digunakan untuk membina kecekapan berbahasa kerana cerita merupakan sesuatu yang dapat menarik minat dan perhatian murid.
- v. Teknik inkuiri penemuan
Teknik ini dikenali sebagai teknik tinjau siasat yang merangkumi aspek-aspek soal selidik untuk mendapatkan jawapan atau kesimpulan kepada sesuatu masalah.
- vi. Teknik perbahasan
Teknik ini melatih murid berfikir dengan pantas di samping dapat berkomunikasi dengan berkesan.
- vii. Teknik kuiz
Teknik ini dapat mengukuhkan pengajaran guru dan memantapkan pemahaman murid tentang sistem Bahasa Malaysia terutama dari segi bentuk, makna dan penggunaan bahasa yang tepat melalui pertandingan.
- viii. Teknik sumbang saran
Dikenali sebagai percambahan fikiran (brainstorming) yang memerlukan setiap murid menyumbangkan pendapat dan idea.

- ix. Teknik soal jawab
Teknik ini dilaksanakan dengan cara murid menyoal dan menjawab soalan yang berkaitan dengan isi pelajaran.
- x. Teknik simulasi
Teknik ini ditakrifkan sebagai satu situasi yang diwujudkan hampir menyerupai keadaan sebenar yang memerlukan murid berinteraksi sesama sendiri berdasarkan peranan masing-masing.
- xi. Teknik drama
Sering digunakan dalam kaedah komunikatif dan kaedah yang berasaskan pendekatan induktif iaitu kaedah terus, elektif dan audiolingual.
- xii. Teknik perbincangan
Satu aktiviti mengeluarkan dan mengulas pendapat tentang sesuatu tajuk. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran berbentuk perbualan dan ia dilakukan dikalangan pelajar dibawah penyeliaan dan kawalan seorang guru.
- xiii. Teknik forum
Teknik ini merupakan salah satu aktiviti lisan yang sesuai bagi murid berkongsi pengetahuan untuk meningkatkan kemahiran menyampaikan idea dan fikiran dengan jelas.

Kepelbagaian Sumber Bahan

Penggunaan pusat sumber dan komputer sangatlah digalakkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia. Bahan-bahan sumber seperti akhbar, majalah, buku rujukan, kamus, Internet, serta bahan sastera dan bahan berunsur ilmu boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran dan juga untuk bacaan ekstensif.

Penggunaan Tatabahasa yang tepat

Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Rendah juga menekankan penggunaan tatabahasa mengikut kemampuan murid dengan tepat. Untuk mencapai tujuan tersebut, guru perlu merancang dan memilih aspek tatabahasa yang hendak diajarkan berserta contoh penggunaannya dalam pelbagai konteks dan kegiatan bahasa yang bermakna sama ada di dalam atau di luar bilik darjah.

Bacaan Luas

Bacaan luas memberikan peluang kepada murid menimba pengetahuan dan membentuk sahsiah yang baik bagi meningkatkan gaya berfikir dan minat ingin terus membaca. Bacaan

luas boleh dijalankan dalam pendidikan Bahasa Malaysia dengan menggunakan bahan-bahan ilmiah dan sastera.

Penekanan Konsep 5 P

Strategi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia menekankan konsep penggabungjalinan, penyerapan, pengayaan, pemulihan dan penilaian. Ini selaras dengan usaha memenuhi konsep bersepadu dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

a. Penggabungjalinan

Penggabungjalinan memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Melalui proses ini, beberapa kemahiran dapat dikuasai serentak. Cara ini juga dapat mengelakkan kebosanan dalam proses pembelajaran. Kemahiran dapat digabungjalinkan, sama ada kemahiran yang terdapat dalam hasil pembelajaran atau kemahiran daripada mata pelajaran lain.

b. Penyerapan

Dalam pengajaran Bahasa Malaysia, unsur ilmu, nilai dan kemahiran bernilai tambah seperti kemahiran berfikir, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan boleh diserapkan. Penyerapan ini mengandungi pelbagai ilmu dan disiplin dalam pelbagai mata pelajaran.

c. Pengayaan

Program pengayaan perlu diberikan penekanan dalam Kurikulum Sekolah Rendah kerana latar belakang murid yang berbeza dari segi kebolehan, keupayaan, bakat, dan minat. Murid hendaklah diberikan bahan yang berbeza untuk digunakan secara bersendirian atau dengan bimbingan guru. Bahan seperti bahan bacaan tambahan, kad, permainan dan bahan aktiviti boleh diberikan kepada murid yang telah menguasai kemahiran dalam jangka masa yang ditetapkan atau lebih awal daripada jangka masa yang ditentukan.

d. Pemulihan

Program pemulihan disediakan untuk membantu murid menguasai kemahiran asas yang belum dapat dikuasai dalam tempoh yang ditetapkan. Bahan untuk program ini terdiri daripada kad, carta, bahan maujud, alat permainan, dan lain-lain yang boleh digunakan secara berperingkat-peringkat daripada yang mudah kepada yang sukar. Pelaksanaan program ini adalah mengikut kadar kemampuan murid menguasai sesuatu kemahiran.

e. Penilaian

Penilaian dianggap sebagai sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Penilaian merupakan sesuatu aktiviti untuk mendapatkan maklumat yang berguna bagi menentukan pencapaian sesuatu objektif pengajaran atau pembelajaran. Oleh itu, penilaian perlulah dijalankan berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hanya melalui proses penilaian berterusan dapat dipastikan jenis tindakan susulan yang perlu diambil ke atas seseorang murid, sama ada untuk menjalankan pemulihan atau pengayaan, dan

setelah itu barulah dapat dipastikan jenis aktiviti pemulihan atau aktiviti pengayaan yang sesuai bagi murid.

PENGISIAN KURIKULUM



Elemen dalam pengisian kurikulum ialah ilmu, nilai, kewarganegaraan, peraturan sosiobudaya, dan kemahiran bernilai tambah. Penerangan ringkas bagi setiap elemen seperti yang berikut;

Ilmu

Ilmu merangkumi pelbagai bidang ilmu dan disiplin, contohnya ilmu dalam bidang sains, dan geografi dapat digunakan untuk memperkembangkan ilmu bahasa dan kemahiran bahasa. Ilmu lain yang berkaitan dengan hal-hal semasa juga boleh dipertimbangkan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran.

Nilai Murni

Penyerapan nilai murni dalam Standard Kurikulum Bahasa Malaysia bertujuan melahirkan insan yang berketrampilan dan memiliki akhlak yang mulia. Selain itu, penghayatan dan amalan murni dapat membentuk generasi muda yang berhemah tinggi dan berkeperibadian luhur. Pemahaman dan kesedaran tentang nilai murni dalam masyarakat Malaysia harus dipupuk secara langsung atau tidak langsung selaras dengan nilai sejagat.

Kewarganegaraan

Penyerapan unsur patriotisme dan kewarganegaraan dalam pendidikan bahasa Malaysia mengutamakan pemupukan semangat cinta dan taat akan negara. Di samping itu, pemupukan unsur ini bertujuan untuk melahirkan warganegara yang mempunyai jati diri, cinta akan bahasa dan bangsa serta meningkatkan komitmen individu terhadap negara.

Peraturan Sosiobudaya

Peraturan sosiobudaya dalam Standard Kurikulum Bahasa Malaysia merangkumi kesantunan bahasa, laras bahasa, dan peribahasa yang diamalkan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Peraturan sosiobudaya ini mencerminkan falsafah dan keperibadian masyarakat Malaysia.

Kemahiran Bernilai Tambah

Kemahiran bernilai tambah ialah kemahiran yang diajarkan di dalam bilik darjah dan dapat

diaplikasikan dalam kehidupan seharian murid. Kemahiran bernilai tambah yang dimaksudkan ialah Kemahiran Berfikir, Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Kemahiran Belajar Cara Belajar, Kajian Masa Depan, Kecerdasan Pelbagai, Pembelajaran Konstruktivisme dan Pembelajaran Kontekstual. Penerangan ringkas tentang kemahiran bernilai tambah dinyatakan seperti yang berikut;

Kemahiran Berfikir

Kemahiran berfikir diajarkan kepada murid melalui pelbagai aktiviti yang memerlukan pemikiran kritis dan kreatif dalam kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Kemahiran berfikir sama ada dari segi mengkonsepsikan idea, menyelesaikan masalah, atau membuat keputusan adalah penting dalam kehidupan harian dan kerjaya murid pada masa depan.

Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi perlu diajarkan kepada murid supaya mereka dapat menggunakan komputer untuk tujuan komunikasi seperti mengaplikasikan perisian, menghantar dan menerima e-mel, mengakses, memproses, menyebarkan dan berkongsi maklumat serta berinteraksi sosial melalui internet untuk meluaskan penerokaan ilmu pengetahuan dan dalam urusan kehidupan.

Kemahiran Belajar Cara Belajar

Kemahiran belajar cara belajar perlu diajarkan kepada murid supaya mereka peka terhadap teknik pembelajaran yang berkesan. Penguasaan kemahiran ini membolehkan murid meningkatkan pengetahuan, cekap bertindak untuk menghadapi dunia yang sering berubah, dan berkeupayaan mengamalkan pembelajaran seumur hidup.

Kajian Masa Depan

Kajian masa depan ialah satu pendekatan pengajaran untuk mendidik murid agar lebih prihatin terhadap sesuatu perkara atau isu yang berlaku pada masa lampau, masa kini, dan masa depan. Hal ini bermakna, murid dapat membuat ramalan, menjangka akibat, serta menangani perubahan supaya mereka mendapat manfaat yang maksimum.

Kecerdasan Pelbagai

Kecerdasan pelbagai dapat mengembangkan potensi kecerdasan, minat dan kecenderungan murid kerana setiap individu mempunyai kecerdasan dan kebolehan yang berbeza.

Pembelajaran Konstruktivisme

Pembelajaran konstruktivisme dalam pendidikan dapat melahirkan murid yang berkeupayaan untuk membina pemahaman dan pengetahuan baharu mereka sendiri berdasarkan pengalaman sedia ada. Pembelajaran ini menjadikan murid lebih faham, yakin, dan seronok belajar sepanjang hayat mereka.

Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran kontekstual ialah kaedah pembelajaran yang mengaitkan isi pelajaran dengan

pengalaman harian individu, masyarakat, dan alam pekerjaan. Pembelajaran berlaku apabila murid berupaya menghubungkan pengetahuan baharu secara bermakna dan menghayati kerelevanan pembelajaran dalam kehidupan mereka.

Kreativiti dan inovasi

Kreativiti merujuk kepada kebolehan atau kemampuan individu untuk mencipta, menyelesaikan masalah, menggunakan daya imaginasi, idea kreatif yang yang tulen, asli dan baharu bagi menghasilkan sesuatu yang objektif. Inovasi pula merujuk kepada proses menjana idea dan mengaplikasikan idea kreatif dalam konteks tertentu. Kreativiti dan inovasi saling berkait rapat bagi melahirkan modal insan yang serba boleh dan berketerampilan. Daya kreativiti dan inovasi murid perlu dipupuk ke tahap optimum supaya mereka berdaya cipta, berkeupayaan menghasilkan idea dan ciptaan yang berkualiti dan menjadikan amalan serta budaya dalam kehidupan warga Malaysia pada masa hadapan.

TEMA



Kurikulum Standard Bahasa Malaysia menyampaikan pengetahuan serta membina kefahaman tentang kehidupan dan alam sekelilingi murid melalui kemahiran bahasa, iaitu Kemahiran Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca, Kemahiran Menulis, Seni Bahasa dan Tatabahasa melalui tema-tema yang dicadangkan. Melalui tema-tema ini akan dapat menambahkan pengetahuan dan kefahaman, memupuk kesedaran, membina jati diri, menghargai warisan dan mencungkil daya kreativiti dan inovasi dalam diri murid.

Cakupan tema-tema yang perlu diberi penekanan;

1. **Keluargaan**

Tema keluargaan merangkumi hubungan sesuatu keluarga yang melibatkan keluarga asas dan keluarga kembangan. Tema ini diajarkan kepada murid-murid sekolah rendah agar menghargai setiap ahli keluarga.

2. **Kemasyarakatan**

Tema ini merujuk tanggungjawab individu dan kumpulan dalam kalangan pelbagai bangsa untuk mewujudkan keharmonian dan kepentingan hidup bersama. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid sekolah rendah agar dapat melahirkan masyarakat yang berakhlak mulia dan bertanggungjawab.

3. **Kesihatan dan Kebersihan**

Tema kesihatan dan kebersihan merujuk kesempurnaan dari segi kesihatan fizikal, mental dan sosial. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid sekolah rendah agar

mendapat pendedahan awal berkaitan penjagaan kebersihan dan kesihatan, dan amalan gaya hidup sihat.

4. **Keselamatan**

Tema keselamatan merujuk keupayaan murid melindungi diri daripada bahaya ketika berada di pelbagai persekitaran. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid supaya dapat memberi kesedaran kepada murid agar mengutamakan keselamatan.

5. **Perpaduan**

Tema perpaduan merujuk kepentingan hubungan erat yang berbentuk toleransi dalam kalangan penduduk Malaysia. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid dalam usaha memupuk semangat perpaduan.

6. **Kebudayaan, Kesenian dan Estetika**

Tema kebudayaan, kesenian dan estetika merangkumi elemen-elemen budaya yang terdapat dalam masyarakat pelbagai kaum di Malaysia yang meliputi adat dan budaya. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid agar kehalusan seni budaya ini dapat dihayati oleh murid sebagai asas pembentukan jati diri warga Malaysia.

7. **Jati diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan**

Tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan merujuk keupayaan murid menzhahirkan keperibadian insan yang seimbang dari segi fizikal mental, emosi dan rohani serta mempunyai semangat juang dan sanggup berkorban demi negara. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid untuk melahirkan masyarakat yang madani, yang mempunyai semangat kekitaan dan setia kepada negara.

8. **Sains, Teknologi dan Inovasi**

Tema sains, teknologi dan inovasi merujuk ilmu pengetahuan yang teratur atau sistematik yang boleh diuji, dibuktikan kebenarannya dan dapat menghasilkan sesuatu yang baharu. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid agar dapat melahirkan insan yang berani menjana idea untuk menghasilkan sesuatu yang berinovasi.

9. **Alam Sekitar dan Teknologi Hijau**

Tema alam sekitar dan teknologi hijau merujuk keupayaan murid menjaga dan menguruskan alam sekitar untuk kesejahteraan kehidupan manusia, haiwan serta tumbuhan bagi kelangsungan kehidupan generasi akan datang. Tema ini sesuai diajarkan agar murid cinta dan prihatin akan alam sekitar dan teknologi hijau.

10. **Pertanian**

Tema pertanian mendedahkan murid perihal pertanian seperti bercucuk tanam, berternak dan menangkap ikan secara tradisional dan moden. Tema ini sesuai

diajarkan untuk memupuk kesedaran tentang kepentingan bidang pertanian dalam kehidupan.

11. **Ekonomi / Keusahawanan**

Tema ekonomi merujuk perihal bidang perniagaan dan keusahawanan dalam menjana pendapatan. Tema ini sesuai diajarkan untuk memupuk kepentingan bidang ekonomi dalam kehidupan.